

CNS8124

U GB 28-01 00155 XB903

aab

MAHATHIR BERKATA ASEAN AKAN JELAS KONSEP EAEC
Mahathir - EAEC

SINGAPURA, 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Asean akan menemui negara berpotensi menjadi anggota Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan untuk menjelaskan kepada mereka konsep perundingan itu sebagai langkah pertama kepada pelaksanaannya.

Ini berikutan penerimaan cadangan yang ditaja oleh Malaysia oleh pemimpin-pemimpin enam negara anggota Asean pada hari terakhir sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan itu di sini.

Perdana Menteri Malaysia itu memberitahu persidangan akhbar selepas penutupan sidang kemuncak itu bahawa beliau berpuashati dengan keputusan sidang berhubung dengan EAEC.

Ketika ditanya sama ada mesyuarat itu akan mencapai keputusan yang lebih baik sekiranya Indonesia tidak menyatakan keraguannya mengenai cadangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata "keputusan ini adalah baik sama dengan keputusan lain yang dibuat".

+Yang pentingnya ialah cadangan itu telah diterima oleh semua negara Asean,+ katanya. -- Lagi

▼28/01/20-48MST

U GB 28-01 00164 XB904

aab

Mahathir - EAEC 2 Singapura

Katanya, mulai sekarang para pegawai Asean akan memikirkan tindakan-tindakan yang berbagai-bagai dalam mencapai sasaran pembentukan EAEC.

+Menteri-menteri Asean kemudian akan menemui anggota-anggota berpotensi itu untuk menerangkan kepada mereka apa EAEC itu sebenarnya dan sekiranya ia menjadi kenyataan, bagaimana kita harus menggunakan perundingan itu untuk menjamin perdagangan bebas di seluruh dunia.+

Perdana Menteri meramalkan bahawa proses ini akan mengambil masa dalam tempoh lima tahun.

Katanya, tindakan ini akan diambil secepat mungkin. +Saya berharap ia akan terlaksana kurang daripada lima tahun.+

Semasa ditanya mengapa Amerika Syarikat dan Australia tidak dimasukkan sebagai anggota berpotensi perundingan itu, beliau berkata pada definasinya, kedua-dua negara itu tidak termasuk dalam lingkungan Asia Timur.

Mengenai sama ada beliau menjangkakan Jepun akan menerima secara lebih positif perundingan itu memandangkan cadangan itu kini diterima oleh pemimpin-pemimpin Asean, Datuk Seri Dr Mahathir berkata adalah menjadi harapannya bahawa Tokyo akan lebih terbuka menerima perundingan itu mulai sekarang. -- Lagi

▼28/01/20-58MST

U GB 28-01 00156 XB905

aab

Mahathir - EAEC 3 Singapura

+Kami memahami hasrat Jepun untuk mempunyai hubungan baik dengan Amerika Syarikat. Kita tidak mahu menyebabkan kesusahan kepada Jepun.+

+Tetapi kami berharap agar Amerika Syarikat akan memberi persefahaman lebih dalam hubungan ini,+ kata Datuk Seri Dr mahathir.

Mengenai anggapan bahawa EAEC akan menyebabkan jurang antara Amerika Syarikat dan Jepun, dua negara perdagangan terbesar, Perdana Menteri berkata jurang itu memang sedia ada.

+Jurang itu bukan disebabkan oleh kita. Cara untuk mengatasinya ialah supaya Amerika Syarikat lebih berdaya saing dengan Jepun. Ataupun mungkin, Jepun akan menjadi kurang berkesan,+ katanya.

Perdana Menteri menolak cadangan pihak-pihak tertentu supaya EAEC diletakkan di bawah payung Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) tetapi menegaskan bahawa tidak ada sebab mengapa EAEC tidak boleh bekerjasama dengan APEC. ▲

Beliau menarik perhatian bahawa anggota-anggota Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) juga anggota Apec tetapi Nafta tidak diletakkan di bawah payung Apec. -- Lagi

▼28/01/21-11MST

CNS8144

U GB 28-01 00144 XB906

aab

Mahathir - EAEC 4 (akhir) Singapura

Mengenai masa depan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa menyokong badan dunia itu.

Bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa peraturan sekarang di mana anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan diberi kuasa veto adalah ketinggalan zaman.

+Bukannya demokratik jika ada sebuah negara boleh menolak pandangan 160 negara lain.

+Kita tidak mahu satu atau dua negara memaksa PBB atau menggunakan PBB untuk kepentingan sendiri,+ katanya.

Pada persidangan akhbar itu, yang penuh sesak dengan wakil-wakil media massa antarabangsa, Perdana Menteri juga ditanya sama ada lima pemimpin Asean lain menyokong ucapan kerasnya pada perasmian sidang kemuncak itu semalam.

Beliau menjawab bahawa secara peribadi banyak orang menyokongnya tetapi secara rasmi tidak ramai +yang berani menghulurkan lehernya+.

+Malaysia memang gemar menghulurkan lehernya -- tetapi yang lain tidak,+ katanya. -- Bernama